



Siaran Media Edaran Segera

PHB dan MAM Umumkan Agihan Pendapatan Akhir untuk AHB

Kuala Lumpur, 6 Oktober 2021 - Pelaburan Hartanah Berhad (PHB), anak syarikat Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera (YAHB) dan Maybank Asset Management Sdn. Bhd. (MAM) dengan ini mengumumkan agihan pendapatan akhir Amanah Hartanah Bumiputera (AHB) sebanyak **2.35 sen** seunit bagi tahun kewangan berakhir 30 September 2021. Jumlah ini terdiri daripada agihan pendapatan sebanyak 2.15 sen seunit dan agihan bonus sebanyak 0.20 sen seunit. Pendapatan bonus ini diagihkan untuk 500,000 unit pertama yang dipegang setiap pemegang unit.

Pada April 2021, PHB dan MAM telah mengumumkan agihan pendapatan interim sebanyak 2.15 sen seunit berserta pengagihan bonus sejumlah 0.20 sen seunit untuk tempoh enam bulan berakhir 31 Mac 2021. Ini menjadikan jumlah agihan pendapatan kepada **4.70 sen** seunit, atau jumlah agihan sebanyak RM169.40 juta bagi tempoh 12 bulan berakhir 30 September 2021.

Mengenai perkembangan terkini berkenaan AHB, Encik Ahmad Najib Nazlan, Ketua Pegawai Eksekutif MAM berkata, "Searus dengan aktiviti ekonomi negara yang sedang beransur pulih, kami menyeru rakyat Malaysia untuk terus menyimpan dan melabur demi mencapai masa depan yang lebih stabil. Kami berbesar hati untuk memaklumkan bahawa kami sedang berusaha untuk memperkenalkan skim pelaburan semula pengagihan pendapatan khusus untuk pemegang unit runcit dimana agihan pendapatan yang diperolehi dilaburkan semula sama ada sebahagian ataupun keseluruhan unit. Melalui skim ini, agihan pendapatan akan dilaburkan semula dan pemegang unit akan mendapat manfaat daripada kesan pengkompaunan keatas pulangan serta peningkatan pegangan unit secara automatik tanpa perlu menunggu tawaran unit baharu. Walaubagaimanapun, skim pelaburan semula ini tidak akan diperkenalkan untuk agihan pendapatan kali ini, malahan pengagihan masih akan dibayar secara tunai."

Sementara itu, Pengarah Urusan Kumpulan PHB, Dato' Mahmud Fauzi Muda berkata, "Disebalik prestasi pasaran hartanah yang mencabar akibat peningkatan kadar kes COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dari tahun 2020, kami berpendapat bahawa pulangan sebanyak 4.70 sen seunit selepas zakat masih merupakan pulangan pelaburan yang kompetitif."

Beliau menambah, "Walaupun dalam keadaan pasaran yang tidak menentu, PHB mampu untuk mengekalkan kadar penghunian yang stabil bagi aset-aset kami yang terdiri daripada kompleks membeli-belah, gudang perindustrian dan bangunan hospital swasta. Meskipun terdapat penurunan kadar penghunian bagi bangunan-bangunan pejabat, trend atau pola tersebut adalah selari dengan pasaran semasa. Sejak dari awal pandemik, PHB telah memperuntukkan sebanyak RM49 juta untuk "*Rental Relief Programme*" dimana kami membantu meringankan beban para penyewa yang terjejas. Bantuan ini diberi dalam bentuk pengecualian atau penangguhan pembayaran sewa kepada para penyewa yang layak."

Beliau menambah, "PHB juga baru sahaja selesai menyempurnakan pembelian sebuah bangunan kolej pendidikan swasta antarabangsa di Johor. Kami juga telah menyiapkan pembinaan sebuah hospital swasta 300 katil di Kuala Lumpur. Hospital ini akan disewakan sepenuhnya kepada KPJ Healthcare Berhad. Kedua-dua aset ini akan meningkatkan portfolio hartanah PHB sebanyak RM740 juta dan kami merancang untuk menyuntik aset-aset ini ke dalam AHB dalam masa yang terdekat. PHB juga sedang giat berunding untuk membeli beberapa buah gudang logistik yang telah disewakan sepenuhnya dan merancang pembangunan beberapa lagi gudang logistik serta hospital swasta bagi mengukuhkan lagi portfolio kami di dalam sektor perindustrian dan penjagaan kesihatan", kata Dato' Mahmud Fauzi.

"Berkenaan kegiatan pembangunan hartanah, PHB telah menyiapkan sebuah bangunan baharu Menara 1, Plaza Conlay, setinggi 41 tingkat yang berkeluasan 600,000 kaki persegi dan terletak bersebelahan Stesen MRT Conlay yang sedang dibina di Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur. Selain itu, PHB juga telah memulakan kerja-kerja pembangunan semula gudang di Shah Alam berjumlah RM520 juta untuk meningkatkan keluasan lantai kepada 2.1 juta kaki persegi dan bakal siap pada tahun 2024. Gudang ini akan disewakan sepenuhnya kepada sebuah syarikat logistik antarabangsa", kata Dato' Mahmud Fauzi.

AHB ialah sebuah dana unit amanah patuh Syariah yang berlandaskan hartanah. Pelaburan permulaan minimum bagi pelabur individu ialah RM100. Dana ini direka untuk pelabur yang mencari peluang untuk menjana pendapatan tetap dengan potensi pulangan konsisten.

Pengagihan pendapatan akhir AHB ini adalah dikecualikan daripada cukai dan telah dizakatkan dan akan dikreditkan terus ke dalam akaun bank pemegang-pemegang unit pada **15 Oktober 2021**.

-Tamat-